



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 24 RABU 16 JUN 1971 رابو 22 ربيع الاخير 1391 PERCHUMA

### J. P. DI-YAKINI DAPAT TELITI KEJAYAAN DAN KEGAGALAN MASAALAH PERSEKOLAHAN



Pmk. Menteri Besar, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Utama Awang Isa ketika memberi ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja. Dato Utama Awang Isa telah menyatakan keyakinan beliau bahawa Jabatan Pelajaran akan dapat membuat penelitian yang boleh dijadikan ukuran kejayaan dan kegagalan terhadap masalah2 persekolahan sesuai dengan kehendak2 masa.

Beliau berkata, dengan penelitian2 itu kita tentu-nya akan mengetahui segala masalah persekolahan anak2 dan sa-terus-nya dapat mengatasi serta memperbaiki-nya.

Beliau berkata demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan sambutan Hari Pelajar bagi tahun ini dalam satu upacara khas yang berlangsung di-Padang SMJA pada hari Khamis, 10 Jun yang lalu.

Dengan sambutan2 hari pelajar yang lalu dan lain2 usaha yang pernah di-jalankan, beliau yakin, akan dapat memberikan pengalaman kepada jabatan itu untuk meneliti segala masalah persekolahan dan dapat pula mengatasi serta memperbaiki-nya.

Pada masa yang akan datang, beliau berharap supaya Jabatan Pelajaran akan terus berusaha meneliti dan mempertunjukkan nilai dan perkembangan pelajaran anak2 dengan usaha2 yang lebih baru.


Dengan chara yang demikian, beliau percaya akan dapat terus menarek minat pe-nah ibu bapa dan orang ramai terhadap soal pendidikan dan pelajaran anak2 mereka.

Kapada ibu bapa dan pen-jaga2 murid, beliau berseru supaya mereka menganggap usaha hari pelajar itu sa-bagai satu usaha yang bersungguh2 dan tidak mensifatkan-nya sa-bagai satu usaha hanya untuk bersuka2.

“Tujuan utama untuk mengadakan hari pelajar ini akan menjadi sia2 sahaja dari sa-tahun ka-satahun sekira-nya semangat yang terdapat di-dalam-nya sengahja dipatahkan oleh ketiadaan pengetahuan akan arti dan faedah hari pelajar ini,” ujar beliau.

Beliau berkata bahawa dengan menghantar anak2 ka-sekolah tidak-lah berarti yang peranan ibu bapa kapada anak2 itu dan kapada masyarakat telah berakhir.

(Lihat Muka 8)



### Pertubohan2 perempuan tempatan di-seru membela hak2 wanita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan2 wanita di-negeri ini seperti WI dan PERTIWI ada-lah mustahak mengetahui perkara2 yang penting untuk membela dan mempertahankan hak2 wanita termasuk dari segi Undang2 dan hukum shara’.

“Pertubohan2 wanita itu akan dapat memainkan peranan yang berkesan jika mahu bekerja bersungguh2 bagi menolong dan memimpin kaum sa-jenis mereka bagi maksud menegakkan kebenaran”.

Demikian menurut Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Utama Awang Haji Md. Zain ketika berucap sa-belum merasmikan Kursus

Belia dan Ugama untuk ahli2 Pertubohan Perkumpulan Wanita (WI) di-Madrasah JHEU pada hari Jumaat lepas.

Dengan ada-nya usaha2 yang demikian, beliau yakin, maka kepinchangan2 dalam masyarakat akan dapat di-perbetulkan dan akan lahir-lah suatu masyarakat yang aman dan bersefahaman.

Ini, jelas beliau, ada-lah merupakan suatu khidmat yang besar kapada usaha2 Kerajaan yang sentiasa memikirkan kebajikan raayat dan penduduk serta isi di-dalam Negeri Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu, beliau telah menerangkan berhubung dengan kedudukan isteri yang taat dan suami yang derhaka dan isteri yang khianat dan jahat dan suami yang baik dan jujur.

Di-samping itu beliau juga telah membentangkan berhubung dengan tanggung-jawab suami untuk memberi nafkah kapada isteri dari segi hukum shara’.

Beliau berkata, dari segi shara’ ada-lah menjadi kewajipan suami untuk memberi nafkah kapada isteri-nya dan pemberian nafkah itu di-ukor dari segi kedudukan suami bu-

(Lihat Muka 5)

**P**EMANGKU Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Laila Bakti Diraja Dato Utama Awang Isa telah mengadakan lawatan ka-Sekolah Pertukangan di-Jalan Muara pada minggu lalu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja dalam lawatan itu telah di-iringi oleh Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang A.D. Bumford dan Pengetua Sekolah itu Awang J.A. Benyon.

Gambar bawah menunjukkan Pemangku Menteri Besar sedang berchakap2 dengan Awang Abdullah bin Ibrahim salah sa-orang penuntut sekolah itu yang ketika itu sedang berada di-bengkel pertukangan kayu.



Bangunan Muzium Brunei terletak di-pinggir bukit menghala ka-Sungai Brunei. Pembukaan rasmi bangunan ini akan di-lakukan dalam akhir tahun ini.

## Muzium Brunei punyai barang2 bersejarah - Al-Rashid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyelenggara Barang2 Purba Muzium Negara di-Kuala Lumpur, Awang Al-Rashid bin Mohamad Ibrahim telah tertarik hati oleh barang2 purba, kebudayaan yang bersejarah yang di-pamerkan di-Muzium Brunei.

Beliau berkata, kira-nya semua shor2 perkembangan di-laksanakan Muzium Brunei akan menjadi salah sa-buah Muzium yang terbaik sekali di-Asia Tenggara, baik dengan bentuk bangunan-nya yang indah itu, mahu pun dengan barang2 bersejarah kebudayaan dan bahan2 saintifik.

Awang Al-Rashid berkata, Muzium itu bukan sahaja akan menarek pelanchong2 untuk melawat Brunei, tetapi juga akan memberi penuntut2 dan orang ramai bahan2 pelajaran.

Awang Al-Rashid menyatakan demikian sa-belum berlepas meninggalkan Brunei sa-telah mengadakan lawatan resmi sa-lama hari ka-negeri ini.

Semasa berada di-Brunei, Awang Al-Rashid telah melawat tempat2 bersejarah2 di-Brunei, termasuk Makam Sultan Bolkuah di-Kota Batu.

Awang Al-Rashid juga telah melawat Gua Niah di-Sarawak dan beliau telah di-temani oleh Penolong Penyelenggara Muzium Brunei, Awang Lim Jock Seng dalam lawatan itu.

**S**ATU rombongan sa-ramai 30 orang guru2 pelateh tahun dua dari Maktab Pengurusan Brunei telah mengadakan lawatan ka-Pusat pertanian Luahan dan ladang ternakan di-Jerudong baru2 ini. sepanjang lawatan itu mereka telah di-temani oleh Awang Aziz, sa-orang pegawai pertanian. Gambar kanan menunjukkan guru2 pelateh itu ketika berada di-ladang ternakan Jerudong.

## Penghulu2 buat persiapan untuk menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Brunei/Muara akan mempersembahkan sa-buah pintu gerbang sementara kerana memperingati Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-25 tahun ini.

Keputusan itu telah di-chapai dalam satu perjumpaan penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Brunei-Muara yang berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan pada minggu lalu.

Meshuarat yang di-pengerusikan oleh Awang Abdul Aziz bin Mohamed, sa-orang Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah telah menubuhkan sa-buah jawatankuasa bagi menyelenggarakan kerja2 membena pintu gerbang itu.

Meshuarat itu telah memilih Awang Ibrahim bin Besar sa-bagai Pengerusi jawatankuasa itu, Awang Haji Tengah bin Hashim sa-bagai Timbalan Pengerusi, Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Mohamed Daud sa-bagai Setia Usaha dan Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Junid bin Jamudin sa-bagai Penolong Setia Usaha.

Meshuarat itu juga telah memilih Dato Ratna Haji Jaafar bin Jamaluddin sa-bagai

(Lihat Muka 6)

## PENASEHAT W. H. O. BERTUGAS DI-BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penasihat Pertubuhan Kesihatan Sa-dunia, Awg. I. Nadarajah tiba di-Brunei dari Singapura pada hari Selasa lalu untuk di-tempatkan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan selama dua bulan.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Setia Dr. P.I. Franks berkata, Awg. Nadarajah akan menasehatkan jabatan tersebut tentang penyusunan pratikal yang paling baik bagi pemeliharaan chatetan2 perubatan di-seluruh negeri.

Kata-nya, Jabatan Perubatan mempunyai chatetan perubatan yang terkawal tetapi jabatan itu harus mempunyai susunan kaki tangan, penempatan dan alat2 yang betul.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan itu berkata, hanya sa-orang yang berpengalaman yang benar2 layak dan telah menguruskan sa-buah jabatan besar chatetan perubatan sa-lama beberapa tahun, benar2 boleh menolong jabatan itu dengan memberikan nasehat dan ini mungkin dapat di-lakukan dengan jaya-nya oleh Awang Nadarajah.

## Perayaan di-Tutong akan di-adakan lebeh meriah

PEKAN TUTONG. — Daerah Tutong akan mera'ikan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, dengan lebeh meriah tahun ini.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Saleh, telah di-pilih sa-bagai pengerusi jawatankuasa perayaan itu bagi tahun ini di-satu mesuarat yang telah di-adakan di-Pekan Tutong baru2 ini.

Pengiran Othman ada-lah pengerusi jawatankuasa perayaan Hari Keputeraan Baginda pada tahun lepas.

Jawatankuasa itu mempunyai dua puluh orang ahli yang akan melaksanakan kerja2 perayaan.

Kebanyakan di-antara mereka telah bertugas dalam jawatankuasa pada tahun lalu.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan dalam perayaan itu nanti ia-lah lumba perahu, pementasan seni kebudayaan dan lumba basikal.

Satu pertunjokkan urusan rumah tangga anjoran Persatuan Melayu Keriam Tutong, PESAKA, akan juga di-adakan.

## Major Sulaiman berkursus di-England

BERAKAS. — Major Sulaiman bin Damit Askar Melayu Diraja Brunei, telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu kerana menghadiri satu kursus perang bersama nombor 47, di-Joint Warfare Establishment, Angkatan Udara Diraja, Old Sarum, Salisbury Wilshire, England.

Major Sulaiman akan berada di-luar negeri sa-lama kira2 dua minggu.

Kursus tersebut berjalan selama 10 hari dan di-mulakan pada hari Isnin 14 Jun. Ia-nya akan hadhiri oleh pegawai2 dari negara2 seberang laut dalam Commonwealth.

Ini ada-lah pertama kalinya Askar Melayu Diraja Brunei menghantar pegawai-nya kerana menghadiri kursus seperti itu di-England.





# KHUTBAH JUMA'AT

**P**ERBUATAN dan tingkah laku manusia sa-hari2 kadang2 tidak dapat di-kawal oleh undang2 atau peraturan biasa yang di-buat oleh manusia kerana undang2 atau peraturan2 itu di-jaga atau di-awasi oleh pihak2 yang berkenaan. Jika sa-kira-nya orang atau orang2 mengawagar peraturan itu tidak akan berasa takut atau merasa apa2 membuat kesalahan itu.

Di-dalam perkara saperti ini, maka sa-patut-nya kita sa-bagai orang Islam hendaknya lah berpegang tegoh dengan keimanan atau keperchayaan kita kepada perkara yang tidak dapat kita lihat dengan

## 255 orang mendaftarkan utk. naik haji

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Haji telah mendaftarkan 255 orang Islam dari Brunei yang ingin menunaikan fardhu haji ka-Mekah pada tahun depan.

Sa-ramai 162 orang telah mermohon untuk pergi dengan kapal terbang sementara 93 yang lain-nya dengan kapal laut.

Bilangan bakal haji yang telah mendaftarkan nama dari tiap2 daerah ia-lah saperti berikut:

Daerah Brunei/Muara, 204 orang, Daerah Belait, 15, Daerah Tutong 29, dan dari Daerah Temburong sa-ramai 7 orang.

## Peraduan Ratu Keputeraan

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei akan menganjurkan peraduan Ratu Hari Keputeraan bersempena dengan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-25 tahun dalam bulan depan.

Peraduan itu, akan di-adakan di-satu majlis tari menari di-Sekolah Melayu Puser Ulak di-Bandar Seri Begawan pada 17 Julai.

Ia-nya terbuka kepada gadis2 di-negeri ini yang berumur 16 tahun ka-atas.

Borang2 masuk bertanding sekarang boleh di-dapati dari Setia Usaha Agong Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei, Dayang Marhani binte Abdul Latif di-Jabatan Kebajikan Masyarakat

# ZAMAN KEMAJUAN BUKAN UNTUK

## MEMPERMUDAH2KAN HUKUM ALLAH

mata kasar, sama ada perkara2 itu melanggar peraturan masyarakat atau peraturan agama Islam, kerana sekali pun tidak di-lihat oleh sesiapa, sabalek-nya Allah sentiasa melihat dan mengetahui, di-samping itu patut-lah kita mengamalkan sifat malu yang menjadikan satu benting penyakit kepada kejahatan.

Sifat malu ini tidak patut di-gunakan di-tempat yang tidak munasabah kerana jika di-salah gunakan dia akan menjadikan kerugian juga kepada orang itu sendiri.

Apa yang di-maksudkan malu ia-lah, malu membuat apa2 juga kesalahan yang melawan undang2 atau titah perentah Allah, kerana kita malu apabila di-ketahui orang dan di-hadapkan kedepan pengadilan. Malu membuat segala perkara yang di-larang Allah. Kerana Allah sentiasa melihat.

Oleh itu sifat malu ada-lah di-katakan sa-bagai benting. Dan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

**“Apabila Allah menghendaki sa-seorang itu binasa di-ambil-nya sifat malu daripada-nya”.**

Dan di-dalam hadith yang lain pula baginda bersabda:

**“Jika engkau tidak ada mempunyai perasaan malu, buat-lah apa yang engkau suka”.**

Kedua2 ayat ini dapat kita fahamkan bahawa malu itu ada-lah suatu batu penghalang demi membuat kejahatan untuk membinasakan orang itu sama ada nama baik-nya atau batang tuboh-nya sendiri dan sa-umpama-nya.

Dan maksud hadith ia-itu buat-lah apa yang engkau suka, itu bukan-lah berarti Rasulullah menyuruh membuat dengan benar2, tetapi ada-lah suatu amaran yang mana perbuatan itu akan mendatangkan benchana atau kejahatan kepada-nya. Perkara ini telah banyak kita lihat dengan mata atau mendengar khabar dengan kenyataan2.

Oleh itu patut-lah tiap2 orang Islam beringat dan sen-

tiasa dan sentiasa mengingati saudara mara supaya bersifat malu pada tempat-nya, kerana malu bukan pada tempat-nya saperti malu belajar kerana sudah dewasa, kerana chuchu sudah ramai, maka kita membuat amalan sa-hari2 dengan mengikut2 sahaja dan akhirnya amalan itu tidak pula betul, dan jika amalan tidak betul, sa-olah2 kita tidak mengerjakan amalan itu.

Apa yang kita takutkan yang akan terjadi ia-lah apabila penduduk2 atau penghuni2 muka bumi ini telah membuat dan melakukan maksiat dengan bermahaja lela dengan tidak mempunyai malu lagi. Di-sana sini orang berbangga dengan kerja2 maksiat. Ini ada di-sebutkan oleh Allah Subahanahu-wataala dalam Al-Quran Al-Karim di-surat Alrum ayat 41 yang bermaksud:

**“Telah datang kebinasaan dan mala petaka ka-atas bumi dan di-dalam kampung, bandar dan negeri dengan sebab perbuatan jahat yang di-lakukan oleh orang2 di-dalam tempat itu, supaya Allah merasakan kepada mereka itu kebinasaan sama ada pada nyawa, harta benda, ternakan atau tanaman2 mereka. Balasan dari apa yang mereka lakukan kejahatan itu. Muga2**

**orang2 itu berhenti daripada berbuat maksiat dan kembali ka-jalan Allah”.**

Di-dalam sa-buah hadith yang lain daripada Al-Imam Al-Bokhari bahawa sa-seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w. “Adakah kami binasa ya Rasulullah?”. Pada hal ada di-sisi kami orang2 yang salih”.

Sabda Rasulullah: “Ya apabila telah banyak di-lakukan dosa maksiat”.

Di-dalam zaman yang serba maju ini dan semua perkara kita mahu senang dan baik, jangan-lah sampai agama dan hukum Allah juga kita permudah2kan, kerana sa-bagaimana amaran dan ingatan yang di-berikan oleh Allah dan Rasul-nya itu akan berlaku dengan kehendak Allah jua.

Dari itu untuk menjauhi bala saperti itu tidak-lah dapat tiap2 orang melepaskan diri masing2, sekali pun dia ta'at, bahkan keseluruhan umat Islam atau penduduk kampung atau negeri itu hendak-lah menjauhi daripada perkara2 yang di-murkai oleh Allah dan bersama2 menchegeh supaya perkara2 maksiat itu tidak di-lakukan, muga2 kita dan negeri kita ini selamat daripada segala mala petaka dan bala daripada Allah. Amin ya rabul alamin.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Jun, 1971 hingga ka-hari Selasa 22 Jun, 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-07
17 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-07
18 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-07
19 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-07
20 Jun		12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-07
21 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-08
22 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

16hb. Jun, 1971

## PELAJAR HARI

**H**ARI PELAJAR akan berjalan sa-hingga akhir bulan Jun ini. Hari Pelajar ini memerlukan perhatian yang lebih mendalam di-kalangan para ibu bapa dan penjaga2 murid untuk menyedari akan kepentingan pelajaran terhadap anak2 mereka untuk benar2 menjadikan anak2 itu sa-bagai anggota2 masyarakat yang menyedari tanggung-jawab mereka kemudian sama ada terhadap diri mereka sendiri, bangsa mereka, agama mereka dan saterus-nya negara mereka.

Anak2 yang ada di-bangku sekolah sekarang ini tidak harus di-biarkan atau di-serahkan bulat2 kepada para guru untuk menjadikan anak2 itu sa-bagai orang2 yang terpelajar di-kemudian hari nanti. Guru2 akan tidak engkar dari memikul tanggung-jawab mereka untuk mendidik anak2 itu. Tetapi guru2 tidak akan berdaya jika anak2 itu meninggalkan tangga sekolah dan segala kerja anak2 itu tidak akan di-ketahui oleh guru, melainkan oleh para ibu bapa mereka. Dalam masa sa-lepas sekolah ini-lah merupakan tugas penting bagi para ibu bapa untuk menjaga anak2 mereka dan memerhatikan segala kerja2 sekolah-nya.

Tidak semua anak2 itu mempunyai kechergasan dalam pelajaran-nya dan kelemahan anak2 ini hanya dapat di-ketahui jika ibu bapa sentiasa melihat kerja2 anak2 itu di-sekolah. Ibu bapa tentu menghadapi masalah terhadap kerja2 sekolah anak2 mereka itu. Masaalah yang di-hadapi oleh mereka itu tidak harus di-simpan bagitu sahaja dan harus di-chari jalan untuk mengatasinya demi mengelakkan anak2 itu dari di-timpa kelemahan berlanjut2an. Ini-lah masa-nya bagi ibu bapa itu menghadapkan kemuskilan masing2. Hari Pelajar ia-lah hari bagi ibu bapa menghadapkan kemuskilan2 itu kepada guru2 di-sekolah di-mana anak2 itu belajar. Kita yakin bahawa guru2 tidak akan ragu2 pada memberikan pertolongan kepada mereka jika kemuskilan itu di-hadapkan dengan penoh bertanggung-jawab. Kerana, guru2 yang benar2 mempunyai sifat pendidik akan merasa senang jika murid2-nya sentiasa berjaya dan akan merasa kechewa jika murid2-nya kechewa.

Masaalah2 persekolahan tidak akan habis2-nya di-hadapi, kerana ia-nya memerlukan penyesuaian menurut tuntutan keadaan. Dan, masaalah ini akan semakin berat jika usaha2 untuk mengatasinya tidak terlaksana dengan penyertaan keyakinan dan ketekunan yang mendalam.



**G**AMBAR kiri menunjukkan pasukan bahath Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajudin yang telah menjadi johan seluruh negeri. Pengenaln gambar dari kiri: Awang Ramanan bin Sigan, Awang Kassim bin Harun, Awg. Mohd. Yusof bin Abdullah dan Awang Poong bin Sap.

Duduk di-hadapan ia-lah Ustaz Hasbollah Samad dan Che'gu Moksini bin Haji Kadir, juru lated pasukan itu.

Di-samping munchol sa-bagai johan, peserta pasukan itu Ag. Md. Yusof juga telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam peraduan tersebut.

## PERKASA akan menganjorkan Kursus Pemimpin

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Persatuan PERKASA Kampong Saba akan mengadakan satu kursus pimpinan bagi ahli2 persatuan itu, wakil2 persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini dan penduduk2 Kampong Saba dalam bulan September hadapan.

Setia Usaha jawatankuasa yang menganjorkan kursus Awang Haji Masud bin Awg. Damit berkata, persiapan2 bagi mengadakan kursus itu sedang di-usahakan.

Peserta2 kata-nya akan berpeluang mendengar cheramah2 mengenai pentadbiran, kebudayaan, agama, adat istiadak pelajaran dan yang berhubung dengan tata-ra'ayat.

Beberapa orang pegawai akan di-undang untuk memberikan cheramah, dalam kursus yang di-adakan sempena menyambut Isra dan Me'raj itu.

Semasa menyambut Isra dan Me'raj itu satu peraduan Bang bagi persatuan2 belia di-negeri ini, akan di-adakan. Kemunchak dalam sambutan itu ia-lah peraduan membacha Quran yang terbuka kepada pelajar2 dewasa agama Daerah Brunei-Muara dan ahli2 persatuan PERKASA.

## Kursus agama untuk ahli2 W.I.


**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei mengadakan satu kursus agama bagi ahli2-nya di-Madrasah di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama telah di-rasmikan oleh Pengetua Jabatan Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin.

Sa-orang guru agama, Sharifah Dorah binte Syed Mohamad adalah di-antara yang memberikan sharahan dalam kursus tersebut.


Lebih dari dua ratus orang ahli pertubuhan itu telah menghadiri kursus itu.

Kursus itu berakhir dengan tayangan wayang gambar oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Bahagian Penerangan.



Kedua2 gambar atas dan bawah ini ada-lah sa-bahagian dari pertunjukkan khas yang di-persembahkan oleh penuntut2 sekolah dalam upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar pada minggu lalu. Gambar atas menunjukkan penuntut2 dari Sekolah Tinggi Peremp-

puan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan ketika mempertunjukkan persembahan mereka yang di-berinama 'Girl Soldiers', sementara gambar bawah menunjukkan penuntut2 Maktab SOAS mempersembahkan pertunjukkan gymnas-tik.



## PERADUAN SENI LUKIS HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Satu peraduan seni lukis sa-bagai salah satu achara bagi menyambut hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan di-adakan sa-lama 10 hari disini mulai 13 Julai ini.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada orang ramai, sekolah2 dan maktab2 seluruh Negeri Brunei yang terdiri dari penduduk2 negeri ini.

Peraduan itu terbahagai kepada enam kumpulan ia-itu potrit ahli2 kerabat Diraja, pemandangan, benda kaku, archa, seni abstrak dan seni batek.

Sa-orang juruchakap peraduan itu menearangkan, peraduan bahagian potrit keluar ga2 Diraja hanya di-hadkan kepada peserta2 dewasa dan sekolah2 menengah atas, sementara potrit2 untok sekolah2 menengah rendah ada-lah bebas.

Pelukis2 ada-lah bebas melahirkan karya2 mereka dengan apa chara jua dengan tidak menghadkan bentuk dan besar-nya, tetapi hendak-lah di-bingkai atau di-letakkan dengan kertas tebal.

Pelukis2 yang mengambil bahagian hanya di-benarkan menghantar karya2 mereka sa-buah sahaja bagi tiap2 satu bahagian.

Juruchakap itu menyatakan lagi, jawatankuasa peraduan dan pameran seni lukis itu terlebih dahulu menapis semua karya2 sa-belum di-adukan dan karya2 yang tidak sesuai akan di-tolak.

Beliau berkata, tiap2 karya hendak-lah di-buboh dengan keterangan2 yang jelas saperti nama pelukis, alamat, tajok karya, peringkat, bahagian dan harga lukisan jika hendak di-jual.

Para peserta hendak-lah menghantar karya2 mereka itu kepada Setia Usaha Peraduan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 4 Julai.

Karya2 yang berjaya akan di-pamerkan sa-lama 10 hari mulai 13 hingga 22 Julai, 1971 dari pukul 8.30 pagi hingga 10.00 malam bertempat di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Pada hari Sabtu 12 Jun yang lalu Askar Melayu Diraja Brunei telah memberi peluang kepada orang ramai untok melawat dan menyaksikan tiga buah kapal ronda pasokan itu.

Kapal ronda itu ia-lah KDB Pahlawan, KDB Saleha dan KDB Masna.

Di-sebelah pagi, lawatan itu hanya terbuka kepada kaum keluarga anggota2 AMDB sementara di-sebelah petang-nya kapal2 itu di-buka untok lawatan orang ramai.

Gambar kiri menunjukkan sa-bahagian dari orang ramai ketika mengunjongi kapal KDB Pahlawan yang bertambat di-tambatan Kastam Diraja Bandar Seri Begawan.



Gambar atas menunjukkan Pengetua Pegawai JHEU, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Haji Awg. Md. Zain mengucapkan tahniah kepada Haji Awang Othman bin Bidin dengan di-saksikan oleh pegawai2 kanan Ugama — Gambar BP/JHEU.

## Pertubohan2 perempuan tempatan di-seru membela hak2 wanita

(Dari Muka 1)

kan dari segi kedudukan isteri, dan nafkah itu termasuk-lah makan, pakai dan tempat kediaman, tetapi nafkah itu gugor jika berlaku apa yang diistilahkan sa-bagai Nushuz.

Mengenai dengan masalah nafkah ini di-Brunei, beliau berkata bahawa undang2 memberi kuasa kepada Mahkamah Kadhi menurut bab 163 dari Undang2 Ugama dan Mahkamah Kadhi 1955 supaya menjatuhkan hukuman penjara ka-atas orang2 yang thabit keingkaran-nya daripada menurut perintah mahkamah dalam perkara nafkah.

Bab ini, menurut beliau, ada-lah suatu perlindungan kepada kaum wanita di-Brunei supaya suami2 atau bapa2 atau menjaga2 menunaikan tanggung-jawab mereka dari segi nafkah.

Dari undang2 itu, beliau juga menyebutkan bab 158 (1) yang memberi hak kepada perempuan yang bernikah dengan sah-nya membuat permintaan kepada Mahkamah Kadhi bagi mendapatkan hukuman ka-atas laki-nya supaya

membayar nafkah dari satu masa ka-satu masa menurut hukum shara'.

Menurut beliau bahawa undang2 ini ada-lah bagi perlindungan kepada para isteri dan patut di-ambil perhatian supaya para isteri itu tidak tertantar.

"Tetapi di-Brunei, nampak-nya isteri2 yang terlibat akan mengelak sa-berapa boleh supaya perkara yang demikian tidak sampai ka-mahkamah, bahkan di-usahakan penyelesaian-nya dalam lingkungan keluarga," ujar beliau.

Beliau juga menyatakan tentang kelemahan2 para isteri mengenai chara2 mengemukakan tuntutan hak-nya menurut undang2. Mereka kebanyakannya tidak berhajat supaya perkara itu di-bicarakan dalam mahkamah, tetapi hanya meminta dalam bentuk nasihat yang tidak mempunyai kekuatan dalam segi undang2.

Beliau akhir-nya berharap supaya pertubohan2 perempuan di-negeri ini dapat memainkan peranan dalam bidang tersebut bagi maksud menegakkan kebenaran.

## Pengetua Maktab Perguruan Ugama di-lantek

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Bangunan Maktab Perguruan Ugama Brunei yang terletak di-Batu 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei telah siap pada keseluruhannya dan telah pun di-serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei baru2 ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei menyatakan bahawa Pengetua Maktab itu telah pun di-lantek. Pengetua Maktab tersebut ia-lah Haji Awang Othman bin Bidin yang telah memulakan tugas-nya pada 1hb. Jun, 1971.

Pembukaan rasmi Maktab itu pada tahun hadapan. Pengetua Maktab itu sementara ini akan menyusun dan menganalalkan persiapan dari segi pelajaran dan pentadbiran. Beberapa orang pegawai rendah telah pun di-lantek.

Haji Awang Othman ia-lah bekas Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei dan telah bersara dan kemudian-nya bertugas semula di-Jabatan Pelajaran sa-belum bertugas sa-bagai Pengetua Maktab Perguruan Ugama.

Juruchakap itu menambah -kata, besar kemungkinan jika urusan2 pengambilan penshara2 dapat di-selesaikan dengan segera, Maktab itu akan di-buka pada awal tahun 1972. Pengambilan dan pemilihan penuntut2 akan di-jalankan sa-belum akhir tahun ini.

Sa-buah Jawatan Kuasa bagi merancang persiapan2 pembukaan dan akedamik telah di-bentok oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.



## Ketetapan penanaman padi bagi Daerah Brunei - Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikut ini ada-lah jadual penanaman padi musim 1971-1972 bagi Daerah Brunei/Muara.

### TANAMAN PADI PAYA

Bil.	Tempat (Mukim)	Sedia Sawah	Mulai Menyemai	Mula Bertanam	Habis Bertanam
1.	Kilanas	5.7.1971	30.8.1971	30.9.1971	15.11.1971
2.	Tanjong Bunut	"	20.8.1971	"	"
3.	Sengkurong—Mulaut	"	30.8.1971	"	"
4.	Tanjong Nangka	"	"	"	"
5.	Kulapis	"	"	"	"
6.	Bebatik	"	"	"	"
7.	Lumapas — Junjongan	1.8.1971	20.8.1971	29.9.1971	29.11.1971
8.	Tandiran Kasat	5.7.1971	30.8.1971	30.9.1971	15.11.1971
9.	Naribong — Ba'aong	"	"	"	"
10.	Batong	"	"	"	"
11.	Imang	"	"	"	"
12.	Wasan	"	"	"	"
13.	K. Lurah — Bebuloh	"	"	"	"
LIMAU MANIS					
14.	Pengkalan Batu	"	"	"	"
15.	Bengkurong	"	"	"	"
16.	Menunggol Laut Pulau Baru-Baru	"	"	"	"
17.	Beribi Mata-Mata	"	"	"	"
18.	Tanah Jambu	30.7.1971	8.8.1971	30.9.1971	30.11.1971
19.	Mentir	"	"	"	"
20.	Selambigar	"	"	"	"
21.	Kapok — Serasa	5.7.1971	30.8.1971	30.9.1971	15.11.1971
22.	Sungai Hanching	30.6.1971	8.9.1971	30.9.1971	15.11.1971
23.	Lambak	"	"	"	"
24.	Madang — Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar — Manggis	"	"	"	"
26.	Delima 1	"	"	"	"
27.	Kiarong — Rimba Tungku	"	"	"	"

### TANAMAN PADI TUGGAL (BUKIT)

Bil.	Tempat (Mukim)	Tebasan Hutan	P. Tebas Hutan	Membakar Tebasan	Habis Menuggal
1.	Delima 1 — Lambak dan Berakas	5.6.1971	6.8.1971	10.9.1971	30.9.1971
2.	Terunjing	"	"	"	"
3.	Madang	"	"	"	"
4.	Sungai Asam	"	"	"	"
5.	Sungai Hanching	"	"	"	"
6.	Subok	15.6.1971	14.6.1971	13.7.1971	12.9.1971
7.	Belimbing	"	"	"	"
8.	Menunggol — Riong	"	"	"	"
9.	Rimba	"	"	"	"
10.	Gadong	"	"	"	"
11.	Pengkalan Batu	10.7.1971	19.8.1971	24.9.1971	22.11.1971
12.	Burong Lepas	5.6.1971	14.7.1971	18.8.1971	17.9.1971
13.	Junjongan	"	"	"	"
14.	Tanjong Kindana	"	"	"	"
15.	Sungai Besar	"	"	"	"
16.	Beribi — Mata-Mata	"	"	1.9.1971	"
17.	Jerudong	1.6.1971	"	18.9.1971	"
18.	Menunggol — Riong	"	"	"	"
19.	Lugu	25.6.1971	"	"	"
20.	Kiarong	15.6.1971	"	"	"
21.	Kiulap	"	"	"	"
22.	Pudak	"	"	"	"
23.	Serdang	"	"	"	"
24.	Madang — Tilong	"	"	"	"
25.	Sungai Akar — Manggis	"	"	"	"
26.	Lumapas	15.6.1971	"	"	"
27.	Pudak — Kuala Brunei	"	"	"	"
28.	Limau Manis	"	"	"	"



(Dari Muka 2)

Bendahari dan Awang Mohamed Noor bin Mohamad Yusof sa-bagai Penolong Bendahari.

Lain2 anggota ia-lah Awg. Haji Halus bin bin Samad, Awang Mohamed Yusof bin Dato Imam Haji Mokti, Awg. Haji Abdul Rahman bin Abdullah dan Pengarah Haji Jalil bin Abdullah.

Sementara itu masyarakat China di-Daerah Brunei/Muara juga membuat persiapan bagi perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Di-satu mashuarat yang berlangsung baru2 ini, Pehin Lim Teck Hoo telah di-pilih menjadi Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan untuk membuat rancangan lengkap bagi perayaan itu.

Jawatankuasa itu telah pun memberi arahan kepada semua pekedai2 China di-daerah itu supaya menghias dan memasang lampu chuchol di-kedai2 mereka, dan mengambil bahagian dalam semua acara berhubung dengan perayaan itu.

Sa-bagai tahun2 lepas, masyarakat China juga akan membena pintu2 gerbang di-ibu kota.

Terence Boyd di-ishtiharkan mengang oleh pengadil Sgr. Norshah dalam perlawanan tinju yang di-adakan baru2 ini. Terence telah mengalahkan Abdul Karim dalam bahagian Light Weither Weight.

### DI-DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARITH, BANDAR SERI BEGAWAN.

#### SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/60/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Monah bte. Ahmad, d/a Osman bin Ahmad, Jabatan Ukur, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yusof bin Ibrahim @ Mohamad Yusof yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Jun, 1971, pada jam pukul 9.00 pagi.


Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 14 haribulan Jun, 1971.

AWANG MD. ALI BIN DAUD  
T. PEGAWAI PENGUASA  
WARITH.

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## SA-BAGAI PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN KHAS

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan Khas di-Jabatan Letrik, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil L.C.E. Inggeris atau yang sa-banding dengannya serta mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan. Mereka mesti-lah mengetahui nama2 dan istilah2 semua alat2 letrik dan barang2 setor yang di-gunakan dalam sa-sebuah pertubuhan letrik.

Perlu tahu menaip, mempunyai pengetahuan ilmu kira-kira merupakan satu kelebihan.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Umor:

Sebaik2-nya di-bawah 45 tahun tetapi pegawai2 yang sedang berkhidmat yang berumur lebih dari had ini akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — B\$660x30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Jun, 1971.

## Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kecil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 — B\$180x5-195/EB/200x5-220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 19hb. Jun, 1971.

## Sa-bagai Penjaga jentera tapisan ayer kolam berenang

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penjaga Jentera Tapisan Ayer Kolam Berenang di-Bangunan Pusat Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu. Mempunyai pengetahuan dalam chara2 penapisan ayer serta mempunyai sijil "Life Saving" yang di-akui.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam Sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200x10-230/240x10-270/EB/280x10-330.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30hb. Jun, 1971.

## Sa-bagai Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kebun di-Pejabat Daerah Kuala Belait, Kuala Belait.

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2 — \$160x5-175/EB/180x5-195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 Julai, 1971.

## Juru Jentera Tingkat Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan unok di-lantek sa-bagai Juru Jentera Tingkat Khas di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 hendak-lah berumur antara 30 hingga 45 tahun.
- Mempunyai Sijil Motor Vehicle Mechanics' City and Guilds London Institute atau Diploma in Automobile Engineering daripada sa-sebuah Sekolah Pertukangan, Maktab atau Institute yang di-iktirap serta mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman praktikal; atau
- Pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik lebih tinggi dalam Automobile Engineering serta mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman praktikal akan juga di-pertimbangkan; atau
- Pegawai2 yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelulusan akademik di-atas tetapi mempunyai sekurang2-nya 7 tahun atau lebih pengalaman praktikal boleh juga memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — B\$270x15—360x20—480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas:

Chalun2 yang berjaya itu akan bertanggung-jawab kepada Pembantu Teknik Kanan yang menjaga Wokshop. Tugas2 termasuklah memperbaiki dan memelihara L/Rovers, Trucks Power Tillers, W/Pumps dan Tractors berjentera Petrol atau Diesel.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29hb. Jun, 1971.

## Sa-bagai Taliprinter Operator

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Taliprinter Operator di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei. (3 kekosongan).

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau sa-banding dengannya. Hanya pemohon2 yang fasih bertutor dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-pertimbangkan.

Umor di-antara 17 dan 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — B\$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 6 Julai, 1971.

## DI-JABATAN PENERBANGAN AWAM

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikutan di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

### 1 PEMBANTU PENGAWAL LALU-LINTAS UDARA (5 kekosongan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fisik. Pemohon2 hendak-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun pada 1hb. Januari, 1971.

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara perchubaaan dan ada-lah di-kehendaki lulus dalam

peperiksaan2 yang mana mereka akan di-beri lantekan. Pembantu2 Pengawal Lalu-Lintas Udara yang tamat serta lulus dalam lantekan, mereka mempunyai peluang yang baik untuk di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Pengawal Lalu-Lintas Udara.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380x20—480/EB/500x20—620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### 2. PEMERHATI KAJI CHUA-CHA (3 kekosongan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Peperiksaan yang sebanding dengannya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut. Hanya mereka yang

berumur di-antara 18 dan 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perchubaaan:

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun. Sebelum menamatkan masa perchubaaan, mereka di-kehendaki lulus peperiksaan rendah Kaji Chuacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$210x10—270x15—360x20—480/EB/500x20—620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30hb. Jun, 1971.

# UPACHARA PERBARISAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Hari Keputeraan rasmi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-ratikan dengan satu upacara perbarisan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 12 Jun lepas.

Battalion Kedua dari 2nd King Edward VII Own Gurkha Rifles telah mengepalai perbarisan yang terdiri dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei.

Satu pasukan Kadet AMDB, Jabatan Laut, Jabatan Kastam, Pasukan Bomba, pandu puteri, pengakap dan Boy's Brigade juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu. Kanak2 sekolah telah berbaris di-sekeliling padang.

Pasukan pencharagam AMDB dan pasukan pencharagam Pulis Diraja Brunei juga turut serta dalam perbarisan tersebut.


Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair telah memereksa perbarisan itu semantara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei menerima tabek perbarisan itu.

Duli Yang Maha Mulia menerima tabek dari sa-buah pentas bersama2 dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pmk. Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Utama Awang Isa, dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Di-antara yang hadir di-upachara perbarisan itu ia-lah Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2, ahli2 majlis mashuarat, pemimpin2 kaum serta pegawai2 kanan kerajaan dan tentera.

Pada sebelah malam-nya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat menghadhiri satu majlis jamuan yang di-berikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British Awang A.R. Adair dan Puan Adair di-rumah kediaman mereka di-Jalan Residency.

Turut juga hadir di-majlis tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pmk. Menteri Besar, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Utama Awg. Isa, Yang Amat Mulia Cheteria2, serta pegawai2 kanan kerajaan dan tentera.



Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair sedang memereksa barisan Pulis Diraja Brunei dalam upacara perbarisan Hari Keputeraan Baginda Queen pada hari Sabtu lepas.

## Dua orang dapat Bintang M. B. E.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah mengurniakan bintang M.B.E. kepada dua orang bersempena dengan hari keputeraan baginda pada tahun ini.

Mereka itu ia-lah Major Henry Norman Houghton, SNB dari Askar Melayu Diraja Brunei yang dikurniakan bintang M.B.E. bahagian tentera dan Puan Georgette Gabrielle Marie Deakin di-kurniakan bintang M.B.E. bahagian awam, Puan Deakin sa-hingga baru2 ini menjadi Setia Usaha Kehormat Persatuan Palang Merah Chawangan Brunei.

Dua orang yang lain — Penolong Pesurohjaya Pulis, Dato Charles Terence Miller telah dikurniakan Q.P.M. dan Staff Sergeant Maarof bin Mohamad Nor dari Askar Melayu Diraja Brunei di-kurniakan Pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik.

Pengurniaan bintang2 dan pingat2 itu telah di-umumkan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair di-upachara perbarisan Hari Keputeraan Baginda Queen yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

## Perarakan kereta dan basikal berhias

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Kereta2 dan basikal2 berhias akan mengambil bahagian dalam perarakan untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan yang ke-25 di-Bandar Seri Begawan pada 16 Julai.

Perarakan itu akan bermula dari Istana Darul Hana pada pukul 2.00 petang, ia-nya akan berjalan ka-Bandar Seri Begawan dan mengelilingi ibu kota.

Pada sebelah malam perarakan kereta2 dan basikal2 berhias dan tanglong juga akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan mulai pukul 7.30 malam.

Persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan orang perseorangan di-Daerah Brunei-Muara ada-lah di-jemput menyertai dalam perarakan itu.

Borang2 masuk sekarang boleh di-dapati dari Pengerusi Jawatankuasa Perarakan, di-alamatkan Perkhidmatan Perubatan, Bandar Seri Begawan atau dari Setia Usaha, di-alamatkan Jabatan Penchen, Bandar Seri Begawan.

Borang2 yang telah di-isikan mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari pada 6 Julai.

## Kerajaan sangat2 mementingkan pelajaran di-negeri ini

(DARI MUKA 1)

"Patut-lah di-sedari bahawa peranan yang selanjut-nya ada-lah semakin berat dan memerlukan pengorbanan dan tenaga yang bukan sedikit", jelas beliau.

Ibu bapa, kata beliau, hendaklah terus tampil berunding dengan seikhlas2-nya mengenai soal anak2, masaalah2 yang di-hadapi oleh anak2 dan mengetahui sa-benar2-nya dari guru2 akan kemajuan2 dan kelemahan2 anak2 itu.

Beliau juga menyeru ibu bapa dan orang ramai supaya sama2 bertanggung-jawab mengawal serta mengawasi dengan penoh teliti akan kegiatan2 anak mereka masing2.

Beliau berkata, masyarakat kita dalam zaman pembangunan ini akan terus menghadapi berbagai2 anasir dan pengaruh yang boleh

merarek hati pelajar2 dan anak2 muda remaja ka-arrah yang membinasakan.

"Anasir2 dan pengaruh2 yang tidak baik ini, kalau tidak di-che-gah akan mendatangkan bahaya yang amat besar kepada negeri dan masharakat kita yang akan datang," tegas beliau.

Beliau menambah, "Ibu bapa yang benar2 kaseh sayang akan anak2 mereka hendak-lah mengasoh anak2 itu dan jangan biarkan anak2 itu terperangkap serta terjerumus ka-jurang yang tidak menguntungkan".

Mengenai kemudahan2 pelajaran di-negeri ini, beliau perchaya bahawa bebanan ibu bapa sa-bahagian besar-nya telah dapat di-rengankan dengan ada-nya bantuan2 yang di-sedia dan akan terus di-sediakan oleh Kerajaan.

Kerajaan, tegas beliau, akan

## Perutusan Baginda Queen

**BAGINDA Queen** dalam perutusan hari keputeraan baginda mensifatkan Commonwealth sa-bagai perhubungan dalam persahabatan antara bangsa, dan berkata, Commonwealth bererti kebebasan, persahabatan, kesabaran dan persafahaman. Menyentuh tentang peranan belia dalam Commonwealth baginda bertitah:

"Hal2 penting yang mengem-birakan yang berlaku di-dunia yang dalam keadaan gelisah sekarang ia-lah sikap kaum2 muda yang bersedia menghadapi chabaran dari masa'alah2 sosial dan chita2 bagi mewujudkan persahabatan dan persafahaman yang mendalam."

Baginda Queen bertitah, dalam Commonwealth kita dapat satu lapangan yang baik bagi melaksanakan chita2 saperti itu dan pertukaran perkhidmatan sebarang laut. Banyak belia mengambil bahagian dalam kegiatan2 yang menolong mengatasi kejahilan dan shak wasangka yang memecah belahkan dunia dan dengan berbuat demikian memperkayakan kehidupan mereka sendiri.

Baginda berharap belia2 di-sa-tiap negara akan menchari peluang itu dan menggunakan-nya dengan sa-baik2-nya.

"Masa depan Commonwealth ada-lah sa-sungguh-nya terletak dalam tangan kaum muda dan di-tangan mereka-lah letak-nya kekuatan Commonwealth," titah baginda.

Baginda bertitah, baginda sangat merasa gembira mengetahui bahawa perkara ini ada-lah sa-demikian dan mengharapkan mereka akan berjaya dalam memikul tanggung-jawab2 di-masa hadapan.